


WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 7 1982 / 1983*

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**SIDANG PENGARANG WARISAN**

**PENGARANG KEHORMAT**

*Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.*

**PENOLONG PENGARANG**

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

**REKABENTUK**

*Encik Ibrahim bin Jaafar  
Encik Sharif bin Abdullah*

**KEWANGAN & PEMASARAN**

*Encik Tan Ghee Peng, AMN.*

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,  
Seremban,  
(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Keluaran 7 1982/1983**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.	2
Rencana Pengarang	3
Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 – 1983	4
Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambanya Dalam Abad Ke 18 dan 19 Johari bin Talib.	6
Dikir Rebana di Rembau Yaakub bin Idrus.	16
Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19 Othman bin Hj. Abu Bakar.	24
Adat Minangkabau Sebeium Zaman Parapatieh: Suatu pengenalan Ringkas Norhalim bin Hj. Ibrahim.	31
Permainan Dam Melayu Ismail bin Abd. Hadi.	43
Jelebu Dalam Sejarah Ibrahim bin Mustafa.	52
Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina. Yaakub bin Idrus.	60
Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban	70
Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1982–1983.	73



KATA-KATA ALUAN  
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi menafaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendekiawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

*Menteri Besar  
Negeri Sembilan.*

SEREMBAN  
15hb. Ogos, 1983.

## RENCANA PENGARANG.

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam keghairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya sedang mengambil langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun, kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,  
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Yang Di Pertua** : *Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.*
- Naib Yang Di Pertua** : *Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.*
- Setiausaha Kehormat** : *Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.*
- Penolong Setiausaha** : *Encik Abdul Aziz bin Salleh.*
- Bendahari** : *Encik Tan Ghee Peng, AMN.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Encik Nordin bin Bakeri.  
Encik Hasbim bin Jasa, AMN.  
Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Puan Kamariah bte Hj. Sabeh.*
- Pengerusi Daerah** : *Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin).  
Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah).  
Encik Abdullah bin Salleh (Rembau).  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban).  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jelevu) sehingga 31.8.82.  
YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jelevu).  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson).  
Encik Idris bin Hussein (Jempol).*
- Pemeriksa Kira-Kira** : *Encik Abu Bakar bin Yabya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK.*

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari.  
Encik Abdul Aziz bin Salleh.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Puan Kamariah bte. Hj. Sabeah.  
Puan Noraini bte. Ali, PJK.  
Puan Ecbam bte. Hj. Hassan.*

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Encik Hashim bin Jasa, AMN.*
- Setiausaha** : *Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.*
- Pen. Setiausaha** : *Encik Mohd. Misan bin Mastor.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Abd. Hamid bin Idris.  
Encik Mustafa bin Hj. Sharif.  
Encik Mohd. Hisa bin Tabat.  
Encik Tan Gbee Peng, AMN.  
Encik Ahmad bin Sibat.  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.  
Puan Hj. Aishah bte. Md. Sharif.  
Puan Sbarifab Kintan bte. Syed Ali.*

ADAT MINANGKABAU SEBELUM ZAMAN PARAPATIEH:  
SUATU PENGENALAN RINGKAS.

Oleh  
Norhalim Hj. Ibrahim  
Universiti Pertanian Malaysia, Serdang

Pendahuluan

Soal adat adalah soal yang sensitif bagi masyarakat Negeri Sembilan. Orang luar Negeri Sembilan pula suka mengusik orang Negeri Sembilan mengenainya. Kebanyakan dari usikan mereka itu adalah mengenai soal-soal: masuk suku, perceraian, pewarisan tanah pusaka dan lain-lain. Apabila persoalan ini disentuh maka anak Negeri Sembilan, mungkin kerana merasa terhina, terus mempertahankannya.

Di samping orang luar, kadang kala orang Negeri Sembilan sendiri cuba mempersoalkan adatnya. Mereka ini kebanyakannya terdiri dari generasi muda yang sangat sensitif terhadap adat dan mempersoalkan, keadaan persekitarannya, termasuklah sistem nilai dan sistem sosialnya sendiri, sebelum menerimanya. Keadaan ini membuatkan generasi lama terasa hati, lantas memberi tentangan. Akibatnya, timbul suatu polemik yang berlarut-larutan di akhbar-akhbar tempatan.

Semenjak surat khabar memainkan peranan sebagai penyambung lidah masyarakat di Malaysia, telah timbul dua 'polemik' adat yang agak serius iaitu dalam tahun-tahun 1951 dan 1968. Dalam tahun 1951, akhbar Utusan Melayu yang memainkan peranan; dan gelanggang polemik untuk tahun 1968 pula ialah akhbar Berita Harian. Kedua-dua polemik ini berpunca dari satu kenyataan yang bersifat mengkritik dan menyarankan perubahan kepada adat (1). Tetapi 'kritikan' dan 'saranan' ini pula telah disalahmengertikan oleh orang-orang kuat adat sebagai satu cemuhan dan tindakan memperkecil-kecilkan adat. Akibatnya, dengan serta merta sahaja telah timbul ramai penulis yang mengakui diri sebagai tokoh adat mempertahankan keunggulan dan kemurniaan adat tersebut.

Kalau diteliti dan dianalisa tulis-tulisan mengenai adat dalam akhbar-akhbar setempat, terutama sekali semasa berlakunya pertengkaran yang disebutkan di atas, tiga kesimpulan besar dapat dibuat; iaitu:

- 1) Tokoh-tokoh adat dalam polemik tersebut (terutama sekali dalam kontroversi tahun 1968) memberikan pendapat serta pandangan mengikut perasaan hati — penuh emosi dan sentimen. Kebanyakan dari tulisan yang tersiar tidak mempunyai pertimbangan logik dan fakta.
- 2) Tulisan mereka adalah berkisar pada isu yang sama sahaja. Isu itu tidak pula dipersoalkan secara mendalam dan terperinci.
- 3) Berdasarkan kepada fakta-fakta dan hujah-hujah yang diutarakan mengenai isu yang hendak dikemukakan kita dapati bahawa kebanyakan daripada penulis tersebut, sama ada yang mengkritik baikpun yang mempertahankannya; baik yang dari dalam, lebih-lebih lagi penulis dari luar Negeri Sembilan, tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai adat tersebut.

---

(1) Untuk keterangan lanjut mengenai polemik ini lihat de Josselin de Jong, P.E., 1960, 'Islam Versus Adat in Negeri Sembilan (Melayu)', BTL, 116, hal. 158-208, untuk konflik 1951, dan Hooker, M.B., 1971 (a), 'Law, Religion and Bureaucracy in a Malay State: A Study of Conflicting Power Centres', AJCL, 19, hal. 264-286; atau Norhalim Hj. Ibrahim, 1976, *Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau*, University of Hull, hal. 71-73.



Sebagai yang dimaklumi, adat Negeri Sembilan adalah adat yang dibawa dari Minangkabau; kemudian disesuaikan dengan keadaan tempatan. Adat ini diturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi lisan di samping tertulis di dalam beberapa buah terombo. Dengan perjalanan masa terutama sekali dengan kedatangan pemodenan (sic), perlanjutan adat melalui lisan itu lebih banyak merugikan daripada menguntungkan, iaitu lebih banyak bahagian yang tertinggal atau terlupa dari yang dikekalkan dan ditambah. Berlakunya faktor tertinggal dan terlupa mungkin disebabkan generasi yang menerima, khususnya generasi selepas kemasukan elemen-elemen budaya Barat, tidak memberikan nilai yang tinggi kepada sistem itu. Ini adalah kerana wujudnya konflik budaya – antara tradisi dan moden.

Satu lagi cara penyambungan pengetahuan adat ke generasi muda adalah melalui terombo yang tertulis. Tetapi malangnya terombo ini telah dijadikan suatu pusaka yang dianggap sebagai keramat, sehingga hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh memegangnya. Malangnya orang-orang yang tertentu itu pula tidak berminat untuk melihat apatah lagi untuk mengkaji, menganalisa dan menyebarkan isinya kepada orang lain. Orang-orang yang berminat atau para penyelidik pula tidak dibolehkan memegang terombo keramat tersebut.

Dengan itu terombo-terombo ini hilang begitu sahaja – hanya tinggal cerita sahaja. Misalnya di Rembau, kononnya ada tiga buah terombo tulisan tangan yang berkulitkan kulit kambing, tetapi tidak siapa pula yang tahu di mana atau siapa yang memilikinya sekarang! Lantaran itu, terombo itu hanya tinggal sebagai dongeng sahaja. Dan pengetahuan orang-orang Negeri Sembilan mengenai adatnya (yang oleh kebanyakan anak Negeri Sembilan menjadi satu kemegahan – dan sudah sepatutnya) juga hilang begitu sahaja. Dalam keadaan yang sebegini, yang rugi adalah generasi muda setempat, yang dalam hati kecilnya sangat sensitif tentang adat nenek moyangnya tetapi tidak pula berpengetahuan mengenainya.

Hari ini, sememang sudah menjadi kenyataan bahawa ramai dari generasi muda, malahan mungkin juga sebahagian dari generasi tua serta ketua-ketua adat yang baru dilantik di Negeri Sembilan, kurang memahami konsep-konsep dan prinsip-prinsip utama adat yang dimegahkan itu. Maka sudah sampai lah masanya untuk masyarakat Negeri Sembilan atau setidak-tidaknya mereka yang mengakui diri dari darah adat Negeri Sembilan mempelajari kembali adatnya – yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas – tetapi telah hilang ditelan masa dan zaman serta oleh keangkuan generasi mudanya – yang bermegah-megah dengan keintelektualan dan kebaratannya sendiri.

Apa yang harus difahami terlebih dahulu sebelum mempelajari adat Negeri Sembilan itu ialah bahawa adat asalnya, adat yang disusun oleh Datuk Perpatih nana Sebatang bukanlah dicipta dengan begitu sahaja. Pada hakikatnya adat tersebut adalah lanjutan dari adat-adat yang wujud di Minangkabau sebelum itu. Lantaran itu, untuk memahami adat susunan Datuk Perpatih kita harus melihat perkembangan sistem adat Minangkabau.

Tegasnya, bagi seorang anak Negeri Sembilan yang ingin faham betul tentang adatnya, di samping memahami konsep-konsep dan prinsip-prinsipnya, harus juga faham akan sejarah perkembangan adat tersebut. Dari segi sejarah perkembangannya, Adat Negeri Sembilan telah melalui tiga tahap, iaitu:

- 1) Zaman awal sehingga Datuk Perpatih nan Sebatang menyusun adatnya – Adat Tuah Disakato.
- 2) Perkembangan adat susunan Datuk Perpatih di Minangkabau.
- 3) Perkembangan adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Dan tiap-tiap satu tahap itu membawa ciri-ciri dan sejarah yang tersendiri pula.

Kertas ini tidak akan menghuraikan keseluruhan perkembangan adat melalui tiga tahap yang disebutkan di atas kerana ia akan memerlukan pembicaraan yang panjang. Huraian yang akan diberikan dan sesuai dengan tujuan kajian ini adalah mengenai adat-adat Minangkabau yang menjadi dasar kepada adat susunan Datuk Parapatieh nan Sebatang — Adat Tuah Disakato yang diandaikan pula sebagai asas kepada sistem adat Negeri Sembilan (2). Di harap huraian ringkas ini akan dapat memberikan suatu gambaran latarbelakang di samping memberikan pengertian yang lebih jelas mengenai perjalanan adat Negeri Sembilan.

## Masyarakat Minangkabau.

Masyarakat Minangkabau terkenal bukan sahaja di Nusantara tetapi juga di kalangan ahli-ahli antropologi di seluruh dunia kerana adatnya yang menggalurkan keturunan dari pihak perempuan. Di kalangan ahli-ahli kaji masyarakat sistem jenis ini diistilahkan sebagai sistem matrilineal atau sistem nasab-ibu

Minangkabau adalah nama bagi negeri, penduduknya dan bahasanya. Istilah panggilan yang sering digunakan untuk orang-orang Minangkabau adalah urang Minang. Di Pulau Jawa orang Minangkabau dipanggil orang Padang, satu panggilan yang mungkin tidak tepat kerana Padang adalah satu tempat yang pernah menjadi rantau Minangkabau. Orang Padang pula memanggil orang-orang yang datang dari kawasan pendalamannya (Minangkabau) orang darek (orang darat/orang dari pendalaman); sedangkan orang-orang Minangkabau sendiri menggunakan panggilan orang awak bagi membahaskan dan bercerita mengenai diri atau orang-orang senegeri dengan mereka.

Oleh sebab kajian ringkas ini akan cuba menghuraikan adat orang Minangkabau sebelum zaman Parapatieh maka ada baiknya jika kita melihat terlebih dahulu siapa dia orang Minangkabau itu. Dengan memahami siapa mereka, mungkin kita akan dapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai sistem sosial mereka.

Penduduk asal Minangkabau dapat dianggap sebagai sebahagian dari penduduk asal kepulauan Asia Tenggara dan mempunyai hubungan dengan penduduk tanah besar Asia Tenggara. Berkaitan dengan ini, suatu teori migrasi penduduk dari tanah dataran di bahagian timur Himalaya di benua Asia di mana Sungai Yangtze menukar alirannya dari arah selatan ke timur, iaitu di mana terletaknya Yunan sekarang telah dikemukakan. Teori ini mengutarakan bahawa penghijrahan itu telah melalui sungai-sungai Irrawaddy, Salween, Menam dan Mekong (3) dengan menggunakan rakit-rakit, dan kemudian meneruskan lagi dengan perahu ke arah tenggara dan barat daya serta menamatkan pengembaraan itu di kepulauan Asia Tenggara, Pasifik Selatan dan Madagaskar. Pada hakikatnya teori ini melihat penyebaran pendudukan dari segi penyebaran bahasa, budaya dan ras dengan penekanan atau pergantungan yang kuat kepada faktor-faktor linguistik (4).

Penghijrahan ke selatan ini bermula di sekitar tahun 3—4,000 Sebelum Masehi (SM) dan berakhir lebih kurang pada abad ketiga Sebelum Masehi. Selanjutnya teori ini menyatakan bahawa penghijrahan tersebut telah berlaku dalam beberapa gelombang, tetapi dua yang paling besar, iaitu migrasi kelompok Melayu Proto dan Melayu Deutro (5). Orang-orang Minangkabau termasuk ke dalam kelompok penghijrah yang kedua

- 
- (2) \* Untuk perbincangan awal mengenai andaian ini sila lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1983, 'Negeri Sembilan: adat Perpatih or Adat Temenggong', *Ilmu Masyarakat*, 1, *Jurnal Persekitaran Sains Sosial Malaysia*, bal. 77—83; dan juga Norhalim Hj. Ibrahim, 'Adat Perpatih Negeri Sembilan: Suatu Pemeriksaan Semula', dalam persediaan.
  - (3) Hall, D.G.E., 1968, *A History of Southeast Asia*, London: Macmillan, ed.3, bal. 8—11; Cady, J.F., 1964, *Southeast Asia, Its Historical Development*, N. York MacGraw-Hill Book Company, bal. 10—14.
  - (4) Kern, H., 'Taalkundige Gegevens ter Depating van het Stamland der Maleisch-Polunesische Volken', V.G., 6. *The Hague*, 1913—1929
  - (5) Cady, 1964, *ibid*, bal. 12.

Sebelum kedatangan dan penetapan orang-orang Minangkabau di kawasan Tengah—Barat Sumatra, dua kelompok lain, Batak dan Rejang—Lebong telah mendahului mereka. Kedatangan nenek moyang orang-orang Minangkabau ini mungkin telah memaksa nenek moyang orang-orang Batak dan suku kaum Rejang—Lebong sekarang keluar dari kawasan Sumatra Tengah. Orang-orang Batak telah berpindah ke utara dan menetap di sekitar Danau Toba, dan Rejang—Lebong ke selatan.

Teori terakhir ini adalah didasarkan dari kajian mengenai penyebaran bahasa-bahasa di Indonesia (6). Sebelum kedatangan Islam, orang-orang Minangkabau adalah buta huruf dan tidak mempunyai tulisan sendiri. Tetapi jiran-jiran mereka (Batak dan Rejang—Lebong) mempunyai bentuk tulisan yang mempunyai banyak persamaan asas. Tulisan yang dimaksudkan di sini adalah tulisan yang dikenali sebagai tulisan rencong (7). Dengan itu adalah berkemungkinan untuk membuat kesimpulan bahawa nenek moyang orang-orang Minangkabau sekarang datang terkemudian dari orang-orang Batak dan orang-orang di Sumatra Selatan. Mereka telah mengusir kaum Batak agar berpindah ke utara dan Rejang—Lejang ke selatan meninggalkan orang Minangkabau asal di tempatnya sekarang.

Orang Minangkabau sendiri tidak mengetahui dari mana datangnya nenek moyang mereka. Namun, hampir kesemua tradisi lisan Minangkabau menyatakan bahawa nenek moyang mereka berasal dari puncak Gunung Merapi apabila gunung itu masih sebesar telur (8). Apabila air laut surut dan lebih banyak tanah darat maka semakin ramai orang yang membuat tempat kediaman di kawasan tersebut. Tempat kediaman mereka adalah menggunakan daun-daun rotan sebagai atap dan tunggul kayu sebagai dinding, di samping menggunakan rusa bagi menggantikan kerja kerbau/lembu (9). Ketua mereka ini ialah Datuk Tantedjogarhano yang dipercayai menyusun atap rumahnya semasa duduk di atas tanah (10). Beliau adalah anak kepada Kolat (ibu) dan Indobijo (ayah).

Kalaupun kita menyesuaikan legenda di atas dengan teori migrasi yang disebutkan awal tadi maka mereka ini mungkin dari kelompok-kelompok penghijrah besar yang pertama. Kedatangan gelombang migrasi kedua mungkin terbayang dalam legenda yang menyatakan tentang kedatangan sebuah kapal kepunyaan seorang anak raja yang bernama Maharajo (Marajo) Dirajo dari tanah besar (mungkin yang dimaksudkan di sini ialah India) (11). Baginda ini adalah dianggap dianggap sebagai anak bongsu kepada Iskandar Zulkarnain yang pula dikatakan sebagai keturunan Nabi Nuh dan Nabi Adam.

Legenda kedua ini adalah satu pentafsiran baru ke atas legenda yang menyatakan bahawa nenek moyang orang-orang Minangkabau telah sampai ke Sumatra ketika Gunung Merapi masih lagi sebesar telur. Di samping itu legenda terakhir ini juga memasukkan satu faktor baru iaitu mengenai Iskandar Zulkarnaian. Penambahan ini mungkin dilakukan oleh pencerita/penulis yang beragama Islam.

- 
- (6) Vlekke, B. H. M., 1965, *Nusantara, A History of Indonesia*, The Hague: W. van Hoere Ltd., hal. 12.
  - (7) Libat Marsden, W., 1811, *History of Sumatra*, London: Longman, hal. 200, dan juga Jaspan, M.A., 1964, *The Ka-Ga-Nga Script of Rejang-Lebong*, Canberra: The Australian National University, hal. 8.
  - (8) Sutan, A.M. Dt., 1972, *Buku Persembahan Pidato—pidato Adat Minangkabau*, Bukittinggi: Pertjetakan Tsamaratul Ichwan, hal. 31; Babar Dt. Nagari Basa, 1966, *Tambo dan Silsilah Adat Minangkabau*, Pajakumbuh: Penerbit C.V. Eleonora, hal. 7.
  - (9) Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoeloe, M., 1971, *Minangkabau, Sedjarah Ringkas dan Adatnya*, Padang: Penerbit Sridharma, hal. 11.
  - (10) Babar, 1966, *ibid*; hal. 7, *Sama ada Datuk ini seorang gergasi atau rumah yang dibinanya terlalu kecil - banya setinggi orang duduk!*.
  - (11) Batoeh Sango Datoek, 1966, *Tambo Alam Minangkabau*, Pajakumbuh: Pertjetakan Limbago, hal. 16—23. *Marajo Dirajo ini mempunyai dua orang saudara lagi iaitu yang tua Marajo Alif dan yang tengah Marajo Dipang.*

Satu lagi faktor penting yang tersebut dalam legenda terakhir ini ialah tentang tempat asal kelompok itu, iaitu India. Ini membolehkan kita membuat andaian tentang kedatangan seorang raja Hindu (yang tidak semestinya dari keturunan ras India) ke Minangkabau.

Anggota-anggota kelompok penghijrah akhir dalam perpindahan besar kedua ini, sebelum tiba ke Minangkabau, mungkin telah singgah di tanah besar Asia Tenggara (India atau lain-lain tempat yang beragama Hindu). Oleh itu, setibanya di sana mereka telah pun kuat dengan kepercayaan Hindu. Dari itu, di samping membawa kepercayaan tersebut, mereka juga telah mengimport suatu sistem sosial yang agak berbeza dari sistem para penghijrah sebelum itu. Sistem sosial yang lama adalah sistem nasab-ibu tanpa sebarang raja atau kerajaan pusat tetapi sistem sosial penghijrah yang terakhir ini adalah sistem nasab-bapa yang berdasarkan konsep beraja Hindu.

Sebuah lagi tambo (12) yang juga menceritakan legenda yang sama tetapi dari sudut pandangan yang berbeza mengisahkan tentang kedatangan Sri Maharaja Dirajata (13), seorang raja Hindu ke Sumatra. Baginda, oleh sebab tertarik dengan nyalaan cahaya api di Gunung Merapi telah masuk ke pendalaman yang didapatinya telah sedia ada perkampungan. Penduduk-penduduk di situ telah tahu bersawah padi, mempunyai sistem perairan yang kompleks serta tahu menggunakan kerbau untuk membajak sawah. Kedatangan raja ini telah disambut dengan gembira dan kehadirannya di tengah-tengah masyarakat telah diterima oleh penduduk setempat; tetapi mereka tidak dapat/mahu mengiktirafnya sebagai raja yang berkuasa. Beliau hanya dianggap sebagai seorang alim sahaja. Kawasan di mana Dirajata tinggal telah dijadikan sebuah bandar yang dikenali sebagai Periang (14). Bandar ini telah dijadikan pusat Hindu—Minangkabau di mana Dirajata mengajar penduduk setempat cara-cara mendirikan sebuah kerajaan, menyebarkan agama, seni dan kebudayaan Hindu.

Sejarah Melayu (15) juga menyebut tentang kedatangan tiga orang anak raja di Bukit Si Guntang, di mana tinggal dua orang janda, Wan Empu (Wan Empok mengikut Brown) dan Wan Malini. Merekalah yang mula sekali menemui anak raja yang tiga orang itu. Putera tertua yang bergelar Sang Sapurba, setibanya di Minangkabau telah membunuh naga Si Kati Muno dengan pedang panjangnya. Walaupun beliau dianggap sebagai seorang wira atas jasanya tersebut namun rakyat Minangkabau tidak dapat mendaulatkannya sebagai seorang raja. Dengan itu, Sang Sapurba telah membina sebuah pekan berhampiran dengan Periang, yang dinamakan Padang Panjang sempena mengingati jasa pedangnya (16).

Legenda yang diceritakan semula oleh Tun Sri Lanang ini, melalui watak-watak Wan Empu dan Wan Malini memberikan elemen simbolik yang menarik. Kedua watak ini adalah janda, dan dari gambaran yang diberi mereka bukannya tua dan juga bukan puteri-puteri atau wanita-wanita cantik. Nama Wan Empu itu membayangkan yang ianya adalah dari kelas yang lebih tinggi. Kesemua faktor ini menyatakan bahawa kedua-dua orang janda ini adalah lambang kepada ibu-ibu yang bekerja dan mereka adalah simbol bagi penempatan kuno Minangkabau, di mana sistem nasab-ibu berfungsi. Sedangkan tempat Sang Sapurba (Padang Panjang) pula adalah lambang kepada penempatan di mana sistem nasab-bapa kerajaan wujud.

- 
- (12) Ahmad Dt. Batuab & Madjoindo, A. Dt., 1956, *Tambo Minangkabau dan Adatnya*, Jakarta: Balai Pustaka, hal. 13—17.
  - (13) Tidak ada diberikan penerangan mengenai asal sukukata ta dalam nama Dirajata. Mungkin ia berkaitan dengan Dapunta seperti yang tertulis pada prasasti Kedukan Bukit yang bertarikh 682 TM.
  - (14) Perdu katanya ialah riang. Setengah legenda mengatakan ia berasal dari kata biang (Tuban Hindu) yang membawa maksud bandar itu adalah tempat tinggal segala roh. Yang lain-lain mengatakan nama itu berasal dari kata angin dan paranginan bermakna: tempat di mana sekam dipisahkan dari beras akibat tiupan angin.
  - (15) Tun Sri Lanang, (t.t.), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Brown, C.C. (terjem.) K. Lumpur: Oxford University Press, 1970, hal. 13—15.
  - (16) Hari ini kedua bandar ini menjadi bandar kembar dengan nama Periang—Padang Panjang.

Ketiga-tiga legenda mengenai Marajo Dirajo, Sri Maharaja Dirajata dan Sang Sapurba kalau diteliti mempunyai sumber yang sama tetapi telah diceritakan dengan cara yang berbeza. Faktor penting yang dapat diutarakan daripadanya ialah kesemuanya membayangkan, sama ada secara langsung ataupun tidak, tentang kewujudan dua kelompok orang Minangkabau; walaupun orang Minangkabau tidak mahu mengkaitkan kedua-dua pekan tersebut dengan mana-mana satu dari dua sistem sosial yang dianuti oleh kedua-laras — Koto Piliang (17) dan Bodi Caniago (18) — di Minangkabau. Mengikut adat, kedudukan kedua-dua pekan ini dicirikan oleh pantun berikut:

Pisang si kalek-kalek hutan,  
Pisang tanbatu nan bagatah;  
Koto Piliang inyo bukan,  
Bodi Caniago inyo antah (19).

Kesimpulan ringkas yang dapat dicapai mengenai asal-usul orang-orang Minangkabau ialah penghijrahan awal bukanlah suatu pergerakan secara besar-besaran tetapi pergerakan kelompok-kelompok kecil yang berlarutan dalam suatu jangka masa yang panjang. Besar kemungkinan mereka ini adalah terdiri dari suatu masyarakat yang berorientasikan sistem nasab-ibu yang berfahaman animis serta tidak mempunyai organisasi sosial pusat. Pengaliran baka (gene flow) yang terakhir adalah terdiri dari mereka yang mempunyai budaya yang lebih sofistikated dan beragama Hindu. Masyarakat mereka adalah lebih tersusun dan berkemungkinan besar berorientasikan sistem sosial nasab-bapa. Dan akhir sekali, apabila agama Hindu, kemudian Buddha, bertapak kuat di sana sebuah kerajaan beraja, mungkin berpusat di Periang—Padang Panjang, telah wujud, dengan rakyatnya mengikuti dua jenis sistem sosial — nasab-bapa dan nasab-ibu.

### Zaman Undang-Undang Nan Tigo

Kedatangan agama Hindu/Buddha bersama-sama dengan kelompok-kelompok penghijrah pada masa-masa akhir migrasi besar tersebut telah membawa perubahan-perubahan kepada cara hidup sosio-politik orang Minangkabau yang sangat berorientasikan kepercayaan animisme. Mereka telah meninggalkan kesan-kesan di beberapa batang jalan yang diikuti untuk ke Minangkabau. Antaranya ialah memberi nama beberapa batang sungai seperti Sungai Indragiri dan Sungai Siak Sri Indrapura atau pendeknya Sungai Siak sahaja. Penamaan kedua-dua batang sungai ini adalah sebagai penghormatan kepada Tuhan Hindu Indra (berasal dari Rudra, tuhan langit dan halilintar orang-orang Aryan dan kemudian diidentifikasi dengan Syiwa, tuhan pemusnah).

Dalam perkembangan kerajaan-kerajaan Hindu baik di Sumatra mahupun di India satu fenomena kelihatan menonjol ialah perebutan kuasa politik ke atas seluas wilayah yang mungkin. Ini telah mewujudkan dan memberikan kedudukan yang teguh kepada satu kasta, iaitu kasta Ksatria (hulubalang) (20).

Pada hakikatnya sistem kasta tidak wujud di Minangkabau. Kebanyakan terombo menyatakan bahawa Minangkabau menolak sistem kasta ini. Walaupun demikian, pemerintah tetap mengidentifikasi diri mereka sebagai berasal atau penjelmaan Rudra atau Syiwa. Ini menjadi lambang kewibawaan dan kuasa mereka. Justeru itu segala kata-kata serta kehendak raja adalah dianggap sebagai undang-undang oleh rakyat. Sesiapa yang melanggar akan terkena daulat atau sumpah. Suasana ini membuatkan rakyat berada di dalam keadaan terancam.

---

(17) Dianggap sebagai mengamalkan Adat Temenggung, nasab-bapa

(18) Dianggap sebagai mengamalkan Adat Perpatih, nasab-ibu.

(19) Sjafiroeddin, D.S., 1975, 'Kubueng Tigo Baleh Lubuek nan Tigo'. SRB, 4(20, hal. 59).

(20) Pergelutan di kalangan ahli-ahli kasta ini di India banyak tercatat dan dikisahkan dalam buku Veda; lihat Hunter, W.W., (pentri.) 1892. *The Indian Empire, Its People, History and Products*, London: Smith, Ceder and Co., hal. 131 dan 134.



Ancaman seperti ini ada tercatat pada batu bersurat di Talang Tuo (TM 684) yang didirikan atas perintah Raja Jayanaga berkaitan dengan pembinaan taman awam, Crisetra. Antara lain baginda mengingatkan bahawa sesiapa dari rakyatnya yang tidak taat dan setia kepadanya atau melakukan sebarang tindakan belot terhadapnya akan terbunuh kena sumpah (21). Batu bersurat di Kota Kapur (TM 686) juga memberi amaran yang lebih kurang sama kepada rakyat Parawis (Pulau Bangka): iaitu: rakyat yang menderhaka dan tidak taat kepada raja Sriwijaya dan pembesar-pembesarnya akan terkena sumpah (yang boleh membawa maut) (22). Sumpahan itu bukan sahaja terkena kepada mereka yang bersalah tetapi juga kepada keseluruhan keturunannya.

Walaupun kedua-dua batu bersurat ini tidak terdiri di Minangkabau tetapi ia dapat memberikan gambaran tentang keadaan kehidupan rakyat jelata yang sentiasa tertekan dan tertindas oleh kuasa raja, pada zaman itu di Sumatra. Tekanan-tekanan yang sedemikian ini menyebabkan rakyat jelata berada di dalam suatu keadaan ketakutan, mereka tidak aman dan keselamatan diri mereka serta keluarga mereka sentiasa terancam oleh pihak pemerintah. Keadaan hidup yang sedemikian ini juga dianggap sebagai wujud di Minangkabau pada zaman itu.

Apa yang harus kita fahami di sini ialah pada masa itu raja mempunyai kuasa mutlak — dewaraja. Raja adalah dianggap sebagai bayang-bayang Tuhan di dunia ini. Kata raja adalah kata undang-undang.

Keadaan-keadaan yang mencemaskan dan yang penuh dengan rasa ketakutan di kalangan rakyat pada zaman itu sering diceritakan oleh tukang kaba (tukang cerita) Minangkabau. Zaman gelap atau zaman awal ini telah dikenali sebagai Zaman Undang-Undang nan Tigo (23). Perlu dinyatakan di sini bahawa istilah undang-undang pada nama zaman tersebut tidak membawa makna 'law' sebagaimana yang kita fahamkan hari ini tetapi hanya suatu gambaran keadaan (hidup) negeri berdasarkan cerita-cerita terombo.

Sebagaimana namanya, undang-undang ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- i) Si Mumbang Jatueh,
- ii. Si Gamak-gamak,
- iii. Si Lamo-lamo.

### Si Mumbang Jatueh

Keadaan hidup yang dikatakan sebagai Si Mumbang Jatueh itu adalah seperti kata kaba

Nan tak tasanguik, tasampang,  
Nan tak tasinggueng, tagadueh,  
Nan bak umpama aie hilir,  
Bak hujan jatueh ka kasiék,  
Kok tumbueh silang jo silisieh,  
Sangketo dandam jo kasumat,  
Di dalam koto jo nagari,  
Lah sampai hukum-bahukum,  
Di ateh balai-balairueng,

(21) Coedes, G., 1930, 'Les Inscriptions Malaises, de Crivijaya', BEFEO., 30(1/2), hal. 35—44; Moens, L.J., 1937, 'Crivijaya, Yava en Kataba, Tijds. Ind. TLV, 77, hal. 46—47 yang menganggap Jayanaga sebagai raja Muaro Takuib

(22) Kern, H., 1912, 'Inscriptie van Kota Kapoer BTL, 67, hal. 393—400; Blagden, C.C., 1913, 'The Kota Kapur Inscription', JSBRAS, 64.

(23) Bahar, 1966, *op. cit.*, hal. 10—11, Rasjid Manggis, 1971, *op. cit.*, hal. 23.

Hukum tak bulieh dibanding,  
Kato tak bulieh dimusieh,  
Runding tak bulieh disalokai;  
Bana tak bolieh disabuik,  
Hukum jatueh wajik dituruik,  
Takadie patang disanggah,  
Walau zalim wajik disambah,  
Hukum putueh parentah jatueh;  
Hukum bunuh matilah badan,  
Hukum buang jauehlah diri,  
Hukum gantueng tinggilah badan:  
Tak bulieh dibanding lai (24).

Bahagian awal kaba di atas menasihatkan orang ramai supaya menjauhkan diri dari kesusahan dan dari membuat sebarang konteks atau perhubungan dengan pihak yang berkuasa walau atas apa-apa sebab sekalipun kerana sesiapa yang ada kaitan dengan pihak yang berkuasa akan mendapat kerugian. Sebarang penglibatan dengan pihak yang berkuasa adalah kerana dipaksa atau diperintahkan untuk menjalani sesuatu tugas bagi kepentingan pihak tersebut. Tugas-tugas ini haruslah dijalankan tanpa persoalan atau tanpa meminta bayaran.

Bahagian akhirnya pula menggambarkan tentang hukum-hukum yang dikenakan ke atas orang yang 'bersalah'. Berdasarkan kepada kaba tersebut walau apa pun kesalahan rakyat terhadap pemerintah ada dua sahaja hukumnya iaitu hukum mati (samada dipancung atau digantung serta ditikam) dan dibuang negeri. Dalam menjalankan hukuman ini pihak yang bersalah tidak dapat atau tidak diberi peluang untuk membela diri walaupun ia berada di pihak yang benar. Tegasnya, siapa sahaja yang dianggap bersalah oleh pihak yang berkuasa maka orang itu akan dikenakan salah satu dari hukum yang tersebut tadi.

### Si Gamak-gamak

'Undang-undang' ini dapat dihuraikan seperti berikut:

Kok ado karajo nan dikakok,  
Atau pun barang nan ka dibuek;  
Basicapek nan dahulu,  
Basikuek nan mengabieh;  
Mano nan ado dikarajokan,  
Tidak dikana awa jo akhir;  
Raso pariso tak ditarueh,  
Asa dapek lah menjadi.

Kaba ini menggambarkan bahawa dalam sebarang perhubungan ahli-ahli masyarakat terpaksa bersifat egoistis, iaitu berpusat kepada diri sendiri sahaja tanpa mengambil kira kepentingan orang lain. Bila terpaksa menjalankan sesuatu tugas untuk pihak yang berkuasa, apa yang harus diingat ialah bertugas itu bukan untuk negara atau untuk masyarakat tetapi adalah untuk keselamatan diri sendiri. Tiap-tiap tugas yang dilaksanakan itu haruslah pula dipersiapkan secepat yang mungkin; seboleh-bolehnya dahulu dari rakan yang lain. Dengan lain-lain perkataan terselamatnya diri sendiri bermakna kematian bagi orang lain. .

---

(24) Rujukan kepada bahagian akhir ini ada tercatat dalam epik *Minangkabau* yang terkenal, *libat Endah*, S. St. Radjo, (t.t), *Tjindo Mato*, Bukittinggi: C.V. Pustaka Indonesia, bal. 11.

Bahagian terakhir 'undang-undang' ini dikenali dengan nama Si Lamo-lamo :

Babana ka pangka langan,  
Batareh ka ampu kaki,  
Basasi ka ujueng tapak;  
Nan kareh makanan takiek,  
Kok lunak makanan sudu;  
Nan pandai batitih,  
Nan lamah makanan rayieh;  
Kok ado batang nan malintang,  
Dikarek dikabueng-kabueng,  
Diputuih dikudueng tigo;  
Kok lai dahan nan mahambek,  
Dikupak dipatah duo,  
Kok tampak rantieng ka mangaik,  
Disakah dipatiluekkan;  
Nan gadang lendan-maendan,  
Nan panjang kabek-mengabek,  
Nan laweh saok-menyaok.

Berdasarkan kepada inti pati kaba di atas nyatalah bahawa pada masa itu tidak seorang pun yang boleh dipercayai. Seseorang itu hanya berusaha untuk menjaga diri sendiri dan berusaha membuktikan yang dia tidak bersalah di atas sebarang tuduhan. Bukti-bukti kebenaran itu haruslah diberikan agar terhindar sebarang syak wasangka kalau sekecil ranting sekalipun. Dengan itu, untuk menjaga keselamatan diri sendiri seseorang itu harus mengeneipkan kepentingan orang lain, malahan sebaliknya terpaksa pula bergaduh untuk mencapai tujuan tersebut.

Jadi keadaan di Minangkabau, semenjak wujudnya sistem beraja adalah merupakan satu era ketakutan dan penuh dengan perasaan tidak selamat; baik nyawa ataupun harta benda. Untuk mengabadikan keadaan hidup yang sedemikian rupa pada zaman Undang-undang nan Tigo ini, salah satu tempat, yang mungkin menjadi pusat kekuasaan pada masa itu telah dinamakan Muaro Takuih (25).

Era ketakutan ini berlanjutan sehingga ke pemerintahan Raja Datuk Sari Marajo nan Bamego-mego (26). Period ini adalah satu ketika yang sangat kritikal. Rakyat jelata berada dalam keadaan tidak tenteram dan menginginkan perlindungan nyawa dan harta benda. Rakyat mengakui kuasa raja sebagai pengadil dan penghukum bagi yang melanggar undang-undang negeri; tetapi rakyat juga berpendapat bahawa mangsa kejadian jenayah itu harus juga menerima gantirugi. Akibatnya, dengan secara sulit, ketua-ketua suku telah mengadakan perbincangan mencari jalan menyelesaikan masalah ini. Mereka telah mengambil keputusan untuk meminta campur tangan seorang petapa Hindu, Suri Dirajo yang sangat dihormati oleh rakyat jelata (27).

Suri Dirajo telah diminta menjadi orang perantaraan kerana raja Minangkabau juga menghormatinya dan sering meminta rundigannya sebelum menjalankan acara-acara penting negara, seperti acara manalap siddhayatra untuk meminjam istilah yang digunakan pada batu bersurat Kedukan Bukit (TM 682) yang bermakna mendapat restu dari kuasa luarbiasa sebelum menjalani sesuatu ekspedisi tentera. Di samping Suri Dirajo, raja juga sering meminta rundingan dari Cati Bilang Pandai, seorang lagi tokoh penting dalam sejarah awal Minangkabau, apabila timbul sesuatu krisis negara yang serius. Berdasarkan terombo-terombo Minangkabau, Suri Dirajo

---

(25) *Muaro Takuih terletak di Ulu Sungai Kampar. Perkataan takuih itu adalah kacukan daripada perkataan takut.*

(26) *Babar, 1966, op. cit., hal. 14.*

(27) *Suri Dirajo yang juga dikenal dengan nama Sri Paduko Bahalo tinggal di sebuah gua di atas Gunung Merapi; lihat Rasjid Mangis, 1971, op. cit., hal. 148.*



adalah penasihat raja dalam hal-hal yang berkaitan dengan mistik sementara Cati Bilang Pandai pula mengenai hal-hal duniawi.

Raja Minangkabau yang menyadari bahwa kedudukannya bergantung kepada keadaan negeri telah dapat dipengaruhi oleh Suri Dirajo. Raja telah dinasihatkan bahawa telah sampai masanya untuk merombak dan membuang undang-undang atau lebih tepat keadaan autokratik lama dan menggantikannya dengan satu sistem sosial 'legal' yang baru dan yang lebih memuaskan hati rakyat jelata. Raja telah memperkenankan nasihat Suri Dirajo.

### Undang-Undang Elo-Baleh

Dengan adanya persetujuan raja, satu peraturan hidup baru telah disusun dan diberi nama Undang-Undang Elo-Baleh (28) atau kemudiannya dikenali sebagai Undang-undang Tariék-baleh. Antara lain peraturan hidup ini menyatakan:

Kok palu babaleh palu,  
Nan tikam babaleh jo tikam,  
Hutang ameh bayie jo ameh,  
Hutang padi bayie jo padi,  
Hutang kato bayie jo kato (29).

Kalau pada masa Undang-undang nan Tigo dalam setiap jenayah yang berlaku, kedua-dua pihak, iaitu pihak yang bersalah dan pihak yang tidak bersalah atau yang menjadi mangsa jenayah akan menerima hukuman; tetapi berdasarkan keadaan yang baru ini hanya pihak yang bersalah sahaja yang dihukum. Pihak yang menjadi mangsa jenayah tersebut diberi hak dan kuasa untuk menuntut gantirugi. Dengan adanya undang-undang baru ini setidak-tidaknya keselamatan harta benda orang ramai adalah terjamin.

Namun, peraturan baru ini masih belum dapat memenuhi keinginan untuk mendapatkan jaminan keselamatan jiwa dan kemahuan untuk mewujudkan perhubungan yang lebih baik di kalangan ahli-ahli masyarakat. Sebaliknya, perhubungan di antara anggota-anggota masyarakat menjadi bertambah buruk. Orang ramai mulai mentafsirkan undang-undang baru ini secara sendiri. Sedangkan dalam zaman Undang-Undang nan Tigo, sikap rakyat adalah tidak mempedulikan hal orang lain tetapi di bawah keadaan yang baru ini, siapa yang menikam dia yang kena tikam atau dengan lain-lain perkataan orang mulai menjalankan dan menjatuhkan hukuman secara sendiri. Individu boleh menghakimi dan menjatuhkan hukuman ke atas jirannya sendiri. Jadi, secara tidak langsung Undang-undang Tariék-baleh ini telah meruncingkan lagi keadaan permusuhan di antara suku-suku, perut-perut dan lain-lain kelompok berdasarkan keturunan.

Perselisihan di antara individu dan kumpulan-kumpulan semakin menjadi-jadi sehingga sampai ke suatu keadaan yang hampir meletuskan peperangan. Pergaduhan dan malahan peperangan di antara suku-suku, di antara kampung-kampung berdasarkan dandam jo kasumat telah menjadi acara sehari-harian. Tiap-tiap rumah gadang, tiap-tiap koto (kampung) menjadi kubu pertahanan. Tiap-tiap anak muda mulai mempelajari dan menguasai ilmu pencak silat bagi melawan dan mempertahankan diri dari serangan musuh. Apabila berlaku satu kejadian pembunuhan dan pembunuhnya tertangkap maka hukum talio, iaitu pelaksanaan hukum bunuh ke atas orang yang membunuh (yang diikat kepada sebatang pokok) dijalankan dengan penuh upacara adat dan keagamaan oleh saudara terdekat (saudara lelaki atau bapa saudara sebelah ibu) mangsa kejadian tersebut, dijalankan (30). Petanda, dengan sebilah keris terhunus akan menari di sekeliling pokok

---

(28) *Isitilah undang-undang di sini juga membawa maksud 'peraturan hidup' iaitu sama pengertiannya dengan isitilah undang-undang pada zaman Undang-undang nan Tigo di atas tadi.*

(29) *Babar, 1966, op. cit., hal. 14.*

(30) *Batoeb Sango 1966, op. cit., hal. 241.*

di mana si pembunuh itu terikat. Upacara ini berakhir dengan pembunuh itu disula di hadapan orang ramai yang berkumpul di situ.

Pada mulanya talio ini bertujuan untuk menjadi satu cara penghukuman yang teratur tetapi akhirnya penghukuman itu telah dijalankan oleh orang perseorangan tanpa isbat seorang hakim. Keadaan sedemikian wujud kerana, sebagai yang dinyatakan di atas tadi, ahli-ahli masyarakat memberikan tafsiran sendiri mengenai undang-undang tersebut.

Keadaan huru-hara yang secara logik adalah hasil dari undang-undang Tariék-baleh ini telah menggalakkan kumpulan individu tertentu untuk keluar dari Minangkabau dan membuka penempatan-penempatan baru yang terpencil. Sebab utama mengapa mereka berpindah adalah untuk mengelakkan diri dari teraniaya, bukan oleh pihak yang berkuasa seperti pada zaman Undang-undang nan Tigo dahulu tetapi oleh ahli-ahli masyarakat yang lain yang mungkin jiran tetangga sendiri. Orang yang keluar ini (merantau) telah membawa bersama-sama mereka Undang-undang Tariék-baleh ini ke tempat-tempat baru tersebut (rantau).

Pegawai-pegawai awam Belanda yang telah berhubungan dengan kawasan penempatan baru itu pada abad kelapan belas dan sembilan belas telah melaporkan bahawa Undang-undang Tariék-baleh ini masih diamalkan dan mereka percaya bahawa undang-undang tersebut secara umum masih juga diamalkan di Minangkabau (31). Malahan mereka mengaitkan pembunuhan bergerombolan yang telah dilakukan menurut kemahuan sendiri tanpa mendapat keputusan pengadilan ramai di Pariaman, pada awal abad ke sembilan belas, dengan Undang Tariék-baleh ini (32).

de Josselin de Jong yang mungkin tidak menyedari akan wujudnya Adat Tuah Disakato (adat yang diasaskan oleh Datuk Perpatih nan Sebatang) menganggap Adat Ketumanggung (adat yang diamalkan oleh Laras Koto Piliang) sebagai adat yang lebih 'keras' (harsher) bila dibandingkan dengan adat perpatih dan 'bahkan pada masa-masanya menonjol sebagai undang-undang arik-balas' (33). de Josselin de Jong mendasarkan dugaannya kepada perbilangan Melayu yang kononnya berasal dari Koto-Piliang (Adat Temanggung) yang berbunyi:

Siapa membunuh siapa kena bunuh  
Siapa berhutang siapa membaya  
Siapa salah siapa bertimbang.

Berdasarkan kepada lenggok bahasa perbilangan di atas nyatalan bahawa ia telah dibawa ke Tanah Melayu (Rembau/Negeri Sembilan, mungkin) oleh perantau yang datang sebelum tersusunya Adat Tuah Disakato (34) iaitu pada zaman huru-hara akibat Undang-undang Tariék-baleh sebagai dinyatakan di bahagian awal tadi. Perbilangan di atas ini pada hakikatnya adalah intreprastasi kepada hukum nan tikam babaleh jo tikam dan tidak mungkin dipertalikan dengan undang-undang yang bercirikan adat Laras Koto-Piliang.

## Penutup

Perubahan dari Undang-undang nan Tigo kepada Undang-undang Elo-baleh atau Undang-undang Tariék-baleh berdasarkan nilai secara kasar adalah satu perubahan dalam struktur sosial masyarakat Minangkabau. Apa yang berlaku ialah penggantian dari satu sistem sosial yang sangat

---

(31) Wilken, G.A., 1912, *Het Strafrecht bij de Volken van het Minangkabauusch Maleische Ras Hague*, hal. 85.

(32) Stuart, C., (ed.), 1832, *Recht en Wet*, afl. 3, hal. 202-203.

(33) *Was at times even appearing as a real lex talionis; lihat de Josselin de Jong, P.E., 1951, Minangkabau and Negeri Sembilan, Leiden: Eduard Ijdo N.V., hal. 171.*

(34) *Adat Tuah Disakato adalah adat yang wujud di Minangkabau selepas Undang-undang Elo-Baleh. Adat ini akan dibicarakan dalam kajian yang lain.*

bergantung kepada pemerintah kepada satu sistem yang membawa ciri berdikari. Ini juga membayangkan satu perubahan dari suatu keadaan yang memberikan penekanan kepada satu negara pusat kepada satu masyarakat yang berterusan berdasarkan zuriat.

Keadaan yang diwujudkan oleh Undang-undang Elo-baleh/Tariek-baleh ini telah menjerumuskan semula masyarakat Minangkabau ke dalam suatu lagi krisis sosial. Secara tidak langsung krisis ini menandakan yang waktunya telah matang untuk perubahan baru. Perubahan kali ini dipimpin oleh seorang yang masyhur dan bijaksana yang ingin mengeluarkan masyarakat Minangkabau dari keadaan huru-hara. Pemimpin yang dimaksudkan itu adalah Sutan Balun atau lebih terkenal dengan nama Datuk Perpatih nan Sebatang. Adat yang bakal disusunnya itu bernama Adat Tuah Disakato.

## KEPENDEKAN

- AJCL : American Journal of Comparative Law.
- BEFEO : Bulletin de l' Ecole Francaise d' Extreme-Orient.
- BTL : Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie.
- JSBRAS : Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
- SRB : Sumatra Research Bulletin.
- Tijd. Ind. TLV Tijdschrift voor Indische Taal-, Land- en Volkenkunde.
- V.G. : Verspreide Geschriften.

## Bacaan tambahan.

- Coedes, G,  
1968, The Indianized States of Southeast Asia, (terj. Susan Brown Cowing), K. Lumpur: University of Malaya Press.
- Dunn, F.L.,  
1970, 'Cultural Evolution in the late Pleistocene and Holocene of Southeast Asia', American Anthropologist, 72, hal; 1041-1054.
- Mansoer, M.D. (Drs.), Amrin Imran (Drs.), dll,  
1971, Sejarah Minangkabau, Djakarta: Bhratara.
- Mochtar Naim, (Dr.),  
1979, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Solheim, W.G. II,  
1964, 'Pottery and the Malayo-Polynesian, Current Anthropology' hal; 376-384.
- van Heekeren, H.R.,  
1957, The Stone Age of Indonesia, The Hague, Nijhoff.

**NAMA BARU JALAN-JALAN  
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>PUSAT BANDAR</b>	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
alan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa

Nama Sekarang	Nama Yang Dicapadangkan
<b>KAWASAN SIKAMAT</b>	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
<b>KAWASAN BAHANG</b>	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Baki
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
<b>KAWASAN RASAH</b>	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<p><b>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</b></p> <p>Jalan Dato' Klana Jalan Kilat, Jalan Swettenham Jalan Dato' Bandar</p>	<p>Jalan Dato' Kelana Ma'amor Jalan Kilat (tiada perubahan) Jalan Dato' Abdullah Jalan Lt. Adnan</p>
<p><b>KAWASAN TEMIANG</b></p> <p>Jalan Limbok Atas Jalan Limbok Bawah Jalan Temiang Jalan Tembak Jalan Sasaran Jalan Tembak Batu Jalan Lobak Jalan Locke Jalan Cumming</p>	<p>Jalan Seng Meng Lee Jalan Quek Kai Dong Jalan Temiang (tiada perubahan) Jalan Han Hui Foong Jalan Muthu Cumaru Jalan Lam Teck Choon Jalan Manickavasagam Jalan Nunis Jalan Haji Abdul Hamid (Disatukan dengan Jalan Haji Abdul Hamid yang sedia ada)</p>

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

**1 Jawatankuasa Kerja**

1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pegarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

**2. Mesyuarat Jawatankuasa**

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengerusi PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

**3. Jawatankuasa Biro-Biro**

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

### 3.1. Biro Penyelidikan

#### 3.1.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV  
**Setiausaha:** Encik Abd. Aziz Salleh  
**Jawatankuasa:** Encik Nordin Bakri  
Tuan Hj. Mohd. Arif Osman  
Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK  
Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK  
Puan Kamariah Hj. Sabeh  
Puan Norini Ali  
Puan Echam Hj. Hasan

#### 3.1.2. Kegiatan

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

### 3.2. Biro Penerbitan

#### 3.2.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Encik Hashim Jasa, AMN  
**Setiausaha:** Encik Ramthan Hi. Maarof, PJK  
**Jawatankuasa:** Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK  
Encik Tan Ghee Peng, AMN  
Encik Mustafa Hj. Sharif  
Encik Ahmad bin Sihat  
Encik Mohd. Hisa Tahat  
Cik Virki Mutti PPN, PPT, PJK  
Puan Hj. Aishah Md. Sharif  
Puan S. Kintan S. Ali

#### 3.2.2. Kegiatan

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

### 4. Kegiatan Umum:

#### 4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan

Raja Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.



#### **4.2. Penukaran Nama Jalan**

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

#### **4.3 Berita Dari Jendela**

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

#### **4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan**

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

#### **4.5 Azam dan Citarasa 1983**

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)**

**Penerimaan**

Baki pada 31.12.1981	3,919.12								
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00								
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00								
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00								
Sumbangan Lain	8.00								
Bayaran diterima daripada jualan									
↳Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25								

**Perbelanjaan**

Sumbangan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Pusat bagi tahun 1981	341.60
Alatujis	123.30
Setem	20.00
Percetakan ↳Warisan ke 6' x 1,000	3,123.80
Cenderamata-cenderamata kepada penulis-penulis makalah	450.00
Membeli terbitan-terbitan	21.00
Belanja mesyuarat AJK	20.00
Tambah ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi 3 orang wakil PSMCNS	25.00
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	4.75
Baki pada 31.12.1982	6,254.92

10,384.37

10,384.37

**Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)**

**Tanggung**

Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80								
Baki daripada tahun 1981	3,919.12								
	<u>6,254.92</u>								

**Harta**  
Baki dalam bank

6,254.92

6,254.92

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN H.J. RAIS PIJK)

(Tan Ghae Peng AMN)

Juruaudit Kehormat

Bendahari Kehormat